

19 FEB 1999

Hamid-Imej

USAHA LAWAN LAPORAN NEGATIF MISI UTAMA KEMENTERIAN LUAR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Usaha-usaha untuk bertindak balas terhadap laporan-laporan negatif mengenai negara dan para pemimpin akan menjadi misi paling penting bagi Kementerian Luar tahun ini, kata menterianya Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya usaha-usaha akan ditingkatkan untuk menggambarkan imej baik negara kerana banyak perkara yang baik sedang berlaku di negara, berlainan daripada laporan oleh media asing.

"Kita mempunyai suasana yang baik untuk pelaburan ... kita perlu jualkan ini. Kita selalu mendapat pablisiti sebaliknya tetapi ini tidak benar," katanya pada satu sidang berita di pejabatnya di Wisma Putra di sini.

Syed Hamid berkata apa yang penting sekarang ialah untuk menyebarkan maklumat yang benar, bukan sahaja kepada orang asing tetapi juga kepada para pelajar Malaysia di luar negara.

"Sekarang ada pemimpin-pemimpin pembangkang, peguam dan yang lain-lain yang pergi ke luar negara dan bercakap banyak perkara mengenai negara. Ini boleh menjejaskan nama baik negara," katanya.

Beliau berkata kementerianya akan memantau semua aktiviti itu dan melakukan apa yang boleh untuk bertindak balas terhadap pablisiti buruk dan memastikan imej yang baik untuk negara dan para pemimpin.

Syed Hamid berkata, kini, para pelajar di luar negara dipengaruhi oleh laporan yang berat sebelah oleh media asing dan maklumat-maklumat yang tidak tepat dalam Internet.

Pada mesyuarat G-15 baru-baru ini di Jamaica, Syed Hamid berkata beliau telah menulis kepada semua rakan-rakan sejawatannya, memberikan mereka maklumat-maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam sektor Kewangan, kenyataan Perdana Menteri mengenai kawalan tukaran asing dan lain-lain.

"Dengan melakukan ini, kita akan dapat memperbaiki imej kita, menceritakan dari pihak kita. Tetapi kami tidak boleh melakukannya secara bersendirian, kami perlu bantuan daripada kementerian-kementerian lain, para pelajar dan ahli-ahli perniagaan," katanya.

Mengenai seorang pelajar yang meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan semasa perjumpaan Perdana Menteri dengan para pelajar di London sebelum ke Jamaica baru-baru ini, Syed berkata ia tidak mencerminkan pendapat semua pelajar.

"Ini mungkin disebabkan kurang maklumat mengenai apa yang sebenarnya sedang berlaku di negara. Perdana Menteri telah mengambil peluang itu untuk menjelaskan situasi sebenarnya," katanya.

-- BERNAMA

AR AHH WAT